

Pembalakan bukan faktor Sungai Pahang surut

PEKAN – Aktiviti pembalakan dan pembukaan tanah di lembangan Ulu Tembeling didakwa bukan faktor utama menyebabkan Sungai Pahang semakin surut serta kering sebaliknya keadaan itu diakibatkan oleh kesan fenomena El Nino.

Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Malaysia Pahang (UMP), Abdul Syukur Abdul Razak mendakwa, paras air Sungai Pahang di kebanyakan tempat didapati semakin pulih selepas hujan dan ia menunjukkan faktor cuaca panas menjadi punca kepada sungai surut.

“Jika penurunan paras air disebabkan pembukaan hutan dan pembalakan, air Sungai Pahang sudah lama surut kerana aktiviti itu bukan perkara baharu, namun sudah dilakukan sejak da-



ABU BAKAR (dua dari kanan) memeriksa sampel air telaga dan air bukit sama ada sesuai untuk kegunaan domestik sambil diperhatikan oleh Abdul Syukur (tiga dari kanan) di kawasan Felda Chini, Pekan semalam.

hulu lagi.

“Saya secara peribadi berpendapat, pembalakan bukan punca utama dan setakat ini masih tiada sebarang kajian mendalam atau bukti saintifik mengaitkan aktiviti pembalakan menjadi punca utama Sungai Pahang

kering,” katanya yang juga Ketua Kluster Alam Sekitar UMP kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu, beliau bersama Ahli Dewan Undangan Negeri

Chini, Datuk Abu Bakar Harun meninjau air telaga dan air bukit di kawasan Felda Chini di sini bagi mengenal pasti sama ada air tersebut sesuai untuk kegunaan domestik mahupun minuman.

Penduduk Chini sebelum ini mengalami gangguan bekalan air bersih berikutan fenomena El Nino yang mengakibatkan paras air Sungai Mentiga yang menjadi punca utama bekalan air penduduk surut.

Situasi itu memaksa penduduk menggali perigi atau mendapatkan air bukit untuk kegunaan sehari-

ian seperti memasak, mandi dan membasuh meskipun ia tidak dirawat terlebih dahulu.

